

# SENI MEMBUKA DIMENSI BARU BERSAMA KANAK-KANAK AUTISME

Dr Muhamad Hafiz Bin Hassan, Dr Azlina Bujang & Dr Valerie Anak Michael



Sehelai kanvas putih menanti sentuhan, palet dipenuhi warna-warni yang menarik, dan berus-berus siap menggoreskan keindahan. Suasana ini menggambarkan konsep utama program 'ART'UISM: Intuition-Artistic-Autism', iaitu menggunakan seni sebagai medium untuk membantu kanak-kanak autisme menerokai potensi diri mereka.

Pada 17 Februari 2024, bertempat di La Promenade Mall, Kota Samarahan. Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak telah berkolaborasi dengan pihak Kuching Autistic Association untuk menganjurkan program khidmat masyarakat yang memberi inspirasi baru kepada dunia autisme.

Seramai 18 orang kanak-kanak autisme, diiringi ibu bapa dan penjaga mereka telah menyertai program ini. Melalui aktiviti mewarna dan melukis 'doodle', mereka telah diberi dengan peluang untuk menzahirkan kreativiti tanpa batasan. Setiap coretan dan warna yang dicampurkan mewakili ekspresi jiwa kanak-kanak tersebut, membuka dimensi baru dalam kehidupan mereka.



Sesi perkongsian ilmu oleh Ketua Projek, Dr Muhamad Hafiz Bin Hassan telah memberi permindahan ilmu kepada ibu bapa dan penjaga mengenai kepentingan Art Therapy dalam perkembangan kanak-kanak autisme. Mereka kini memahami bahawa seni bukan sekadar hobi, tetapi juga satu kaedah terapeutik yang berkesan bagi membantu kanak-kanak autisme meningkatkan kemahiran psikomotor dan perkembangan minda.

Program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kanak-kanak autisme, tetapi juga menyemai kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai keperluan golongan ini. Liputan media yang positif turut menyerlahkan usaha murni universiti dalam menyumbang kepada masyarakat melalui program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR).

Secara keseluruhannya, 'ART'UISM: Intuition-Artistic-Autism Program' telah berjaya menonjolkan kuasa seni dalam membuka dimensi baru bagi kanak-kanak autisme. Langkah awal ini merupakan inspirasi untuk memupuk lebih banyak inisiatif yang membantu golongan istimewa ini meneroka potensi sebenar mereka.

